



ROZMAN menerima kad LabuanPay daripada Hussien (dua kiri) sambil diperhatikan oleh Noor Halim (empat kanan), Ibrahim (kiri sekali) dan Dr. Sulong (tiga kanan)

LDA Holding perkenal jualan tiket feri penumpang 'online'

LABUAN: Bermula 1 Februari depan LDA Holding Sdn. Bhd. akan melaksanakan sistem penjualan tiket secara 'online' bagi perkhidmatan feri penumpang berjadual dari Labuan Ke Menumbok.

Penjualan tiket secara online yang akan dikendalikan sepenuhnya oleh Syarikat Mobility One Sdn. Bhd. itu telah pun dilancarkan Ahli Parlimen Labuan, Datuk Rozman Isli yang diadakan di Terminal Feri Penumpang Antarabangsa Labuan, pada Rabu.

Hadir sama, Ketua Pegawai Eksekutif Syarikat Mobility One Sdn. Bhd, Datuk Seri Hussien Abdul Rahman, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pembangunan) Perbadanan Labuan, Ibrahim Tambi, Pengerusi LDA Holding, Noor Halim Datuk Zaini, Ketua Pegawai Eksekutif LDA Holding Sdn. Bhd, Dr. Sulong Junaidi dan Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Pembangunan Labuan (YPL), Ridzuan Ibrahim.

Pada majlis yang sama Rozman turut merasmikan sebuah lagi bot laju penumpang berjadual iaitu Perdana Express 4 bagi laluan Labuan-Menumbok.

Terdahulu, Noor Halim dalam ucapannya berkata, sistem penjualan tiket secara online melalui aplikasi e-wallet LabuanPay atau sistem sistem kad, 'LabuanPay' telah membuka lembaran baharu bagi perkhidmatan bot penumpang berjadual Labuan-Menumbok yang lebih efisien, cepat dan mudah.

Sementara itu, Rozman berkata LDA Holding Sdn. Bhd merupakan syarikat yang diberi tanggungjawab untuk menguruskan Terminal Feri Penumpang Antarabangsa Labuan sentiasa berusaha bukan sahaja untuk memastikan kelancaran operasi tetapi juga dapat memberi keselesaan kepada pengguna. -OLEH JAINUDIN DJIMIN